

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

20 Ogos 2020

1. Jaluk suka minuman coklat, roti canai

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYS**

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 20 Ogos 2020

Media Cetak/Elektronik	Kosmo	Catatan:
Ruangan	Negara	
M/Surat	15	
Perkara	Usahawan	

Jaluk suka minuman coklat, roti canai

ALOR SETAR – Gelagat seekor anak lembu berusia enam bulan yang diberi nama Jaluk dan gemar minum air coklat serta makan roti canai mendapat perhatian penduduk kampung di Batu 14, Jalan Kuala Nerang-Pokok Sena di sini.

Pesara tentera, Mutalib Chin, 56, berkata, anak lembu betina seberat 65 kilogram (kg) itu suka berkeliaran di halaman rumahnya pada setiap petang untuk mendapatkan minuman dan makanan kegemaran haiwan tersebut.

"Ibu Jaluk yang diberi nama Tam pula suka minum kopi, manakala Jaluk pula lebih gemar minum air coklat sejak lebih sebulan lalu," kata Mutalib ketika ditemui di rumahnya di sini semalam.

Dia menjelaskan, Jaluk juga

gemar makan biskut serta buah-buahan seperti durian dan rambutan.


"Kami sekeluarga suka melihat Jaluk yang suka makan rambutan serta durian yang ditinggalkan di tepi rumah.

"Gelagat anak lembu itu ketika mengunyah biji durian sangat menghiburkan kami sekeluarga," ujarnya.

Menurut Mutalib, nama Jaluk diberikan kepada anak lembunya itu kerana terdapat jalur merah pada leher binatang tersebut.

"Kami sangat menyayangi Jaluk kerana ia suka bermain dengan anak-anak saya pada waktu petang," katanya.

Mutalib tidak bercadang untuk menjual Jaluk walaupun ada permintaan daripada orang ramai untuk membelinya.



MUTALIB memberi makan roti canai kepada anak lembu di rumahnya di Jalan Kuala Nerang, Pokok Sena, Alor Setar semalam.